

'Hanya kunjungan hormat'

Anwar sahkan pertemuan dengan Sultan Kedah tahun lalu tiada kaitan permohonan REE

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan beliau bersama ahli perniagaan dari Indonesia menghadap Sultan Kedah Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah tahun lalu, namun pertemuan itu sebagai kunjungan hormat.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu tiada kaitan dengan urusan permohonan untuk mengusahakan aktiviti unsur nadir bumi (REE) di Kedah seperti yang didakwa Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

"Itu pertemuan dengan Sultan Kedah... (ia) tidak berbangkit soal REE. Kalau dia (hartawan Indonesia) mohon, itu bukan kepada Sultan Kedah, Sultan Kedah panggil saya berikutan hal lain.

"Pertemuan saya dengan sahabat saya bersama Sultan Kedah di istana, tiada kaitan perniagaan dalam bidang itu (REE). Saya tidak mahu kaitkan lebih daripada itu, hanya kunjungan hormat saya dengan Sultan Kedah.

"Tiada permohonan (projek REE) dikemukakan kepada Sultan Kedah," katanya selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2023, di sini, semalam.

Perdana Menteri ditanya berhubung dakwaan Muhammad Sanusi baru-baru ini bahawa



Anwar melawat ruang pameran selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mihamad Shahril Badri Saali/BH)

Anwar dan seorang warganegara Indonesia pernah ke negeri itu untuk meninjau tapak lombong REE sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) tahun lalu.

Muhammad Sanusi juga mendakwa, warganegara Indonesia yang dikenali sebagai 'Reza Khalid' itu dikatakan berminat melabur dalam aktiviti melombong REE di Kedah.

Malah, Muhammad Sanusi yang juga Ketua Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN) turut mendakwa, pertuduhan terhadapnya berhubung kecurian REE mempunyai kaitan dengan bidaan taikun Indonesia itu untuk mendapatkan hak perlombongan galian yang menguntungkan di Kedah.

Menjelaskan lebih lanjut, Anwar menegaskan Muhammad Sanusi

sepatutnya tidak mengalihkan isu kecurian nadir bumi dengan mengaitkannya dengan pertemuan bersama Sultan Kedah.

Usah alih isu REE

"Itu adalah majlis dengan Sultan Kedah... Sultan Kedah panggil saya sebab ada hal lain termasuk menziarahi makam... itu soal lain. Isu REE ini jangan dialihkan iaitu curi nadir bumi, beri kelulusan pada syarikat China tanpa kebenaran, maknanya itulah isunya... saya tidak mahu dedah lebih banyak (pertemuan), sebab itu membabitkan Sultan Kedah," katanya.

Kelmarin, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail turut menegaskan tiada sebarang permohonan daripada Perdana Menteri bersama

ahli perniagaan Indonesia untuk mengusahakan aktiviti REE di Kedah.

Beliau yang juga Setiausaha Agung PKR berkata, ahli perniagaan berkenaan hanya sekadar menemani Anwar untuk menghadap Sultan Kedah.

"Sebenarnya dia (Reza Khalid) mai ke Kedah menemani Datuk Seri Anwar untuk kunjungan hormat Sultan Kedah, itu saja, lepas itu dia balik," kata Saifuddin.

Isu perlombongan haram REE di Kedah mencetuskan polemik apabila Saifuddin sebelum ini meminta Muhammad Sanusi yang juga pengerusi Menteri Besar Diperbadankan (MBI) Kedah menjelaskan siapa lelaki warga China yang ditahan di sebuah hutan simpan di Sik, Januari lalu.